

17 JAN 2001

LEAD Kabinet-Pelantikan

DUA MENTERI DAN SEBUAH KEMENTERIAN BARU DIWUJUDKAN

KUALA LUMPUR, 17 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menamakan dua menteri baru dan mewujudkan sebuah kementerian baru khusus mengenai hal ehwal wanita dalam kabinetnya.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Shahrizat Abdul Jalil bukan sahaja dinaikkan pangkat sebagai menteri tetapi akan mengetuai kementerian baru itu -- Kementerian Hal Ehwal Wanita.

Shahrizat, 47, Anggota Parlimen Lembah Pantai, adalah lulusan undang-undang dari Universiti Malaya pada 1977, dan 18 tahun kemudian menjadi Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan.

Dianggap sebagai seorang yang gemar turun ke padang, Shahrizat adalah Naib Ketua Wanita Umno dan dilantik sebagai Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada Disember 1999.

Anak kelahiran Pulau Pinang ini menyertai Umno pada 1981, dan lapan tahun kemudian, menjadi Ketua Wanita Umno Kepong sehinggalah sekarang. Beliau dilantik naib ketua Wanita Umno Wilayah Persekutuan pada 1994.

Seorang lagi muka baru dalam Kabinet ialah Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) Brig. Jen. Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin yang dilantik sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Pejabat Perdana Menteri mengumumkan pelantikan mereka serta pelantikan dua orang Timbalan Menteri dan seorang Setiausaha Parlimen dalam satu kenyataan hari ini.

Abdul Hamid dijangka memegang portfolio hal ehwal Islam yang dahulunya disandang oleh Senator Datuk Dr Abdul Hamid Othman yang meletak jawatan pada 15 Jan lepas.

Berkeselusan Diploma Pendidikan Kolej Islam Malaya dan M.A Perundangan Islam Universiti Al-Azhar, Mesir, Brig. Jen. Abdul Hamid menyandang jawatan Pengarah Kor Agama Angkatan Tentera (Kagat) pada 1986. Pada Julai 1995, beliau dilantik mengetuai Jakim yang pada asalnya dikenali sebagai Jabatan Hal Ehwal Islam.

Beliau juga pernah menjadi pemegang amanah Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YPEIM).

Dua orang Timbalan Menteri baru ialah Setiausaha Eksekutif Umno, Senator Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor yang dilantik Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, dan Presiden Parti Progresif Penduduk (PPP), Senator Datuk M.Kayveas yang dilantik Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Wartawan veteran dan Timbalan Pengerusi Eksekutif Utusan Melayu (Malaysia) Berhad Senator Datuk Zainuddin Maidin dilantik sebagai Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan.

Tengku Adnan, 50, pemegang ijazah Pentadbiran Perniagaan, mula mencipta nama dalam politik pada 1984 setelah dilantik Ketua Penerangan Umno cawangan Kampung Bakti di bahagian Seputeh sebelum menjadi timbalan ketua bahagian itu pada 1985.

Setahun kemudian beliau dilantik naib pengerusi Biro Antarabangsan Pemuda Umno dan ketua Biro Kewangan Pemuda Umno.

Dr Mahathir melantik Tengku Adnan sebagai setiausaha eksekutif Umno pada 1999.

Kayveas, 46, akan mengisi satu daripada dua jawatan Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang dipegang oleh Datuk Azmi Khalid yang dinaikkan pangkat sebagai Menteri Pembangunan Luar Bandar sebelum ini. Seorang lagi timbalan menteri ialah Datuk Peter Chin Fah Kui.

Kayveas merupakan presiden PPP sejak 1993.

Pada 1999, beliau dilantik anggota Majlis Perundangan Ekonomi Negara II dan menandatangani jawatankuasa kemiskinan majlis itu.

Beliau mengangkat sumpah sebagai Senator pada disember lepas. Kayveas mempunyai firma perundangan sendiri, Blanche and Kayveas.

Zainuddin mengisi jawatan yang dikosongkan oleh Datuk Shafie Apdal yang dinaikkan pangkat sebagai Timbalan Menteri Pertahanan sebelum ini.

Zainuddin, 61, tokoh kewartawanan yang tidak asing lagi di negara ini, pernah menjadi Ketua Pengarang Kumpulan Utusan pada 1982-1992.

Zainuddin yang lebih dikenali sebagai Zam berundur daripada jawatan itu pada tahun 1992 dan dilantik sebagai Penasihat Jabatan Pengarang selama dua tahun.

Pada masa yang sama, beliau tinggal di London untuk menulis buku "Mahathir Di Sebalik Tabir".

Beliau dilantik sebagai anggota Dewan Negara pada 1998 dan dilantik sebagai Timbalan Pengerusi Eksekutif Kumpulan Utusan pada Ogos tahun yang sama.

Menurut kenyataan pejabat Perdana Menteri itu, Shahrizat, Brig. Jen. Abdul Hamid, Tengku Adnan dan Kayveas akan mengangkat sumpah jawatan di hadapan Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di Istana Negara pada 30 Jan ini.

Zainuddin pula akan mengangkat sumpah jawatan sebagai Setiausaha Parlimen di hadapan Dr Mahathir juga pada 30 Jan di pejabat Perdana Menteri di Putrajaya.

Menurut kenyataan dua muka itu, Yang di-Pertuan Agong telah dimaklumkan oleh Perdana Menteri mengenai pelantikan anggota pentadbiran yang melibatkan Menteri-menteri dan Timbalan-timbalan Menteri serta Setiausaha Parlimen.

Ini berikutan dengan peletakan jawatan oleh Dr Abdul Hamid Othman sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada 15 Jan lepas.

Menurut kenyataan itu, Brig. Jen. Abdul Hamid akan terlebih dahulu dilantik sebagai Ahli Dewan Negara sebelum dilantik sebagai menteri. Pelantikan beliau telah juga mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong.

--BERNAMA

ES MAM ES MAI